



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**JUMAAT 3 JANUARI 2025**

| <b>BIL</b> | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>                                                                   | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>                           |
|------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
| 1.         | CUBAAN SELUDUP HASILAN PERTANIAN, PRODUK HAIWAN DIPATAHKAN MAQIS KELANTAN, BERITA RTM -ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 2.         | SEJUTA NANAS TARIK PELANCONG ASING KE KAMPUNG PARIT JERMAN, GAYA TANI, UM -23                 | LAIN-LAIN                                                       |
| 3.         | JASA POKOK DURIAN USIA 50 TAHUN, NEGARA, KOSMO -18                                            |                                                                 |
| 4.         | IMPORT 30 TAN UBI KELEDEK INDONESIA, NEGARA, KOSMO -18                                        |                                                                 |
| 5.         | BERAS GANU MyGAP DISABOTAJ?, TIMUR, HAKAKAH -H16                                              |                                                                 |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH   | MEDIA      | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|------------|---------|------------|
| 3/1/2025 | BERITA RTM | ONLINE  |            |

## Cubaan seludup hasil pertanian, produk haiwan dipatahkan MAQIS Kelantan



Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kelantan berjaya mematahkan dua cubaan membawa masuk barangan hasil pertanian dan haiwan tanpa dokumen sah / Foto RTM

KOTA BHARU, 2 Januari – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kelantan berjaya mematahkan dua cubaan membawa masuk barangan hasil pertanian dan haiwan tanpa dokumen sah di dua lokasi berasingan baru-baru ini.

Ketua Pintu Masuk MAQIS, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Mohd Ariwadi Mohd Salleh memaklumkan seorang lelaki ditahan di balai ketibaan pada 22 Disember lalu.

Lelaki itu dikesan membawa 30 kilogram hasil pertanian, termasuk buah nona, limau nipis, jagung, dan markisa dalam begasi tanpa dokumen sah seperti Permit Import dan Sijil Perakuan Pematuhan.

“Nilai keseluruhan barangan dianggarkan berjumlah RM700, dipercayai dibawa masuk dari Kemboja untuk diberikan kepada kenalan,” katanya menerusi kenyataan.

Menurut beliau, rampasan itu dilakukan bagi mengelak risiko kemasukan serangga perosak dan penyakit yang boleh menjejaskan industri pertanian dan keselamatan makanan negara.

Perbuatan itu melanggar Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728), yang memperuntukkan hukuman di bawah Seksyen 11(3) akta sama.

Dalam kes berasingan pada 20 Disember, MAQIS Kelantan turut menggagalkan cubaan sepasang suami isteri membawa masuk 32 kilogram produk ayam susu di Kompleks ICQS Bukit Bunga, Tanah Merah.

“Pasangan berusia lingkungan 30-an itu dikesan menyembunyikan barangan bernilai RM400 tersebut dalam bonet kenderaan mereka. Produk dipercayai diseludup dari Thailand untuk pasaran di negeri Perak,” ujar Mohd Ariwadi.

Hasil pemeriksaan mendapati produk hasil haiwan itu cuba dibawa masuk tanpa Permit Import MAQIS, Sijil Kesihatan Veterinar, dan Sijil Halal daripada JAKIM.

Perbuatan itu juga melanggar Seksyen 11(1) Akta 728.

Kesemua barangan yang dirampas kini diserahkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan lanjut.



# Sejuta nanas tarik pelancong asing ke Kampung Parit Jerman

Oleh MUHAMMAD ZIKRI  
gayautusan@medianula.com.my

**D**AERAH Pontian memang terkenal dengan tanaman nanas sejak dahulu. Sebut sahaja Pontian, sudah terbayang betapa luasnya tanaman nanas yang menjadi ikon daerah tersebut. Jika dahulu tanaman nanas diusahakan oleh individu atau syarikat tetapi kini ada yang mengusahakannya secara berkelompok.

Nyata usaha dan kegigihan sekumpulan penduduk di Kampung Parit Jerman, Pontian menjayakan Projek Tanaman Nanas Berkelompok (PTNB) bermula tahun lalu membuah hasil yang memberangsangkan apabila kian menjadi sebutan ramai.

Mereka memilih nanas variety MD2 yang dianggap sebagai sumber 'kekayaan baharu' dalam bidang pertanian seperti durian Musang King yang berjaya menembusi pasaran global.

Di bawah teraju utama, Mohammad Anal Talha, 52, selaku penangung projek, mereka berjaya menanam nanas MD2 di kawasan seluas 30 hektar dengan sasaran keseluruhan seluas 48.56 hektar pada masa hadapan.

Menurut Mohammad Anal, PTNB telah berjaya menarik penglibatan 20 anak muda untuk menjayakannya, selain mengoptimalkan penggunaan tanah yang tidak ekonomi dengan menukarnya menjadi ladang nanas.

Malah, sasaran bagi menanam nanas MD2 sebanyak sejuta pokok telahpun terlaksana dan kini menjadi tumpuan ramai pengunjung yang ingin mengetahui 'rahsia' kejayaan mereka.

"Saya telah berjaya membawa masuk pelancong dari Korea Selatan, Jepun, Singapura selain pelancong tempatan dari Kuala Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan negeri ini.

"Bagi fasa pertama ini, ladang kami akan mula mengeluarkan 10,000 hingga 25,000 biji nanas sebulan pada tahun hadapan, manakala proses penuaian dijangka berterusan selama setahun," katanya kepada Utusan Malaysia.

Pihaknya menyasarkan pendapatan PTNB menerusi



RESTORAN Jermanpine yang terletak di Pontian, Johor menawarkan pelbagai jenis masakan berasaskan nanas. - UTUSAN/RAJA JAAFAR RAJA ALI



MOHAMMAD ANAL TALHA

jualan nanas segar dan anak benih antara RM6 juta hingga RM9 juta menjelang pertengahan tahun depan.

Selain pasaran nanas segar tempatan, pihaknya juga menyasarkan untuk mengeksport buah tersebut ke negara-negara Timur Tengah, China dan Jepun.

Usaha itu sekali gus akan membuka lebih banyak kawasan tanaman nanas MD2 di Kampung Parit Jerman, Parit Haji Osman dan Kampung Peradin yang tempoh lima tahun akan datang.

"Mungkin kita akan mencapai keluasan tanaman nanas sebanyak 50 hektar, sekali gus mengoptimalkan penggunaan kebun-kebun kelapa sawit yang tidak ekonomi dan telah tua.

Mohamad Anal berkata, PTNB Parit Jerman dan sekitarnya akan menjadi 'Lembah Nanas' yang baharu bagi daerah Pontian.

Menurutnya, PTNB turut mendapatkan sokongan daripada Lembaga

Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dalam bentuk input pertanian dan khidmat nasihat.

"Pihak LPNM juga mengambil inisiatif untuk mendaftarkan Kampung Parit Jerman sebagai Kampung Angkat: Santuni Madani berdasarkan kesungguhan dan potensi masa hadapan yang cerah bagi industri nanas.

"Kami juga telah membina tugu nanas bersaiz mega yang menjadi mercu tanda tumpuan pelancong dan orang ramai untuk bergambar ketika melawat ladang nanas," katanya.

Pihaknya menjenamakan projek tanaman nanas MD2 serta lain-lain produk hilirannya di Kampung Parit Jerman sebagai Jermanpine.

Mohammad Anal berkata, sebagai langkah awal ke arah mempelbagaikan produk bagi menarik pelancong tempatan, pihaknya telah membuka gerai buah-buahan dan jus buah nanas Jermanpine.

Pembukaan gerai buah-buahan dan jus segar nanas turut memberikan peluang kepada pekebun nanas dalam kalangan penduduk tempatan menghantar buah nanas mereka ke gerai tersebut.

"Buah yang kecil kami proses dijadikan jus nanas segar,

manakala yang bersaiz besar akan dijual kepada pengunjung," katanya.

Setiap hari pihaknya memerlukan satu tan metrik buah nanas MD2.

Penghasilan jus nanas menggunakan sebanyak 400 biji nanas yang dapat menghasilkan antara 600 hingga 700 cawan jus.

"Sambutan terhadap

jus nanas segar Jermanpine amat baik memandangkan gerai buah-buahan terletak di laluan utama dari Pekan Nanas ke Tanjung Piai.

Setakat ini, PTNB telah menawarkan peluang pekerjaan kepada 60 penduduk tempatan termasuk

**NANAS yang kecil dijadikan jus manakala yang besar dijual kepada pengunjung.**



bagi kerja-kerja pembuatan kuih tat, gerai buah-buahan segar dan yang terbaharu, Restoran Jermanpine.

Bagi mempelbagaikan produk hilirannya, pihaknya turut menghasilkan kuih tat nanas sebanyak 100 balang sehari yang dijual kepada penduduk sekitar dan pengunjung.

Pekerjanya terdiri daripada suri rumah daripada golongan B40, sekali gus membantu mereka menambah pendapatan keluarga.

"Kuih tat jenama Jermanpine dibuat dua jenis iaitu tat gulung dan tat bunga serta turut dijual di Restoran Jermanpine," katanya.

Bagi melengkapkan usaha yang bermula dengan ladang berkelompok, pihaknya membuka Pusat Agro Pelancongan yang menempatkan Restoran Jermanpine dengan pengunjung boleh menikmati pelbagai jenis masakan berasaskan nanas.

Walaupun restoran hanya dibuka pada pukul 2 petang hingga 10 malam, namun orang ramai boleh berkunjung sehingga pukul 12 tengah malam setiap hari ini.

Pengunjung juga berpeluang menanam pokok nanas, seterusnya menanam tanaman tersebut sebagai tanda kenangan.

Pihak pengurusan merancang membina jeti di Sungai Peradin yang terletak berhampiran bagi membolehkan pelawat melihat hutan paya bakau sambil menyaksikan

kunang-kunang di kawasan berkenaan pada waktu malam.



# Jasa pokok durian usia 50 tahun

- **Jual RM7 bagi setiap satu kilogram**
- **Ada juga buah gugur yang dicuri**

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

**TAPAH** - Setiap kali musim durian, seorang peniaga di Chenderong Balat, Teluk Inan dekat sini, tersenyum lebar apabila mampu meraih rezeki lebih daripada perputihan hasil buah tiga pokok durianya yang berusia lebih 50 tahun.

Ketiga-tiga pokok durian itu menghasilkan kira-kira 20 biji buah setiap hari.

Nazrin Awang, 55, yang juga bapa kepada empat anak berkecuali, dia telah berniaga pelbagai hasil tanaman termasuk raja buah berhampiran Perlara Th-

sekarang kata organik agar pelanggan dapat rasa keasliannya.

"Ramai kata durian ini setaraf durian premium tetapi lain orang lain pendapatnya kerana saya hanya menjual yang baik dan bukan yang telah rosak seperti ditebuk tupal dan haiwan lain," katanya.

Tambah beliau, setiap kali musim buah durian tiba, pendatangannya maksimum kira-kira RM150 sehari dengan jualan RM7 sekilogram.

"Sebagai tambahan, saya turut menjual buah cempedak hasil tanaman sendiri selain mengusahakan kelapa sawit se-cara kecil-kecilan bagi menyara keluarga.

"Selain itu, saya juga mengambil upah meracun sawah, mengat buah kelapa sawit dan membersihkan kebun dan ladang orang kampung," katanya.

pah di sini sejak 2007 lagi.

"Biar pun jumlah yang gugur 20 biji sehari tetapi tidak semua dapat dijual kerana ada yang dinakan tupa-satu kera selain ada yang dicuri orang.

"Namun, saya bersyukur kerana menjelang pukul 3 petang biasanya, durian telah habis terjual dan kebanyakan pelanggan adalah dari sekitar kawasan ini," katanya kepada Kosmo!

Nazrin berkata, kereta Proton Iswara menjadi medium pengangkutannya untuk mengangkut segala hasil peranian di rumahnya.

Katanya, usia pokok yang telah melebihi setengah abad mungkin daya tarikan pelanggannya kerana isinya agak tebal, kekuningan dan manis.

"Menang saya tidak letak baja dan racun biar tumbuh dengan semula jadi atau orang



**NORUL FARAZ** menunjukkan sebahagian ubi keledek yang dijual di gerainya di Kampung Tembila, Besut Kelantan.

## Import 30 tan ubi keledek Indonesia

**BESUT** - Seorang peniaga terpaksa membawa masuk hampir 30 tan metrik ubi keledek dari luar negara setiap bulan bagi menampung permintaan yang tinggi pada musim tengkujuh.

Norul Faraz Hahim, 41, berkata bekalan ubi keledek tempatan tidak mencukupi ekoran banyak kebun tanaman tersebut tertutunya di Pantai Timur musnah bulan November lalu.

Katanya, dia tidak terkecuali apabila kebun ubi keledeknya seluas 6.48 hektar turut mengalami kerosakan akibat banjir.

"Bukan saya sahaja, banyak lagi kebun dan ladang ubi keledek tempatan ditinggalkan banjir baru-baru ini sehingga menjelaskan pengeluaran tempatan.

"Saya terpaksa mengimport ubi keledek dari Indonesia bagi memenuhi permintaan pelanggan yang tinggi sepanjang musim tengkujuh ini," katanya ketika

ditemui di gerainya di Kampung Tembila di sini semalam.

Norul Faraz berkata, setiap minggu, dia perlu membawa masuk sekurang-kurangnya tujuh tan metrik ubi keledek dari negara jiran.

Tambahnya, setiap tan metrik ubi keledek import itu diimport dengan harga RM2,200.

"Antara varieti ubi keledek yang mendapat permintaan tinggi pengguna ialah Vifato, Cameroon, cilembu dan Jepun.

"Saya menjual ubi keledek tersebut pada harga semurah RM10 bagi 10 kilogram (kg)," katanya.

Norul Faraz juga menawarkan harga borong RM2.80 sekilogram bagi setiap pembelian minimum 500 kg.

Katanya, julan borong terbit disasarkan kepada golongan peniaga kuli-muth, pengusaha restoran dan peniaga kecil-kecilan.



**NAZRIN** menunjukkan buah durian yang dijual di gerai tepi jalan berhampiran Perlara Tapah, 2007.



# Beras Ganu MyGAP disabotaj?

## MUKADIMAH:

TERENGGANU merupakan negeri pertama di negara ini merintis pengeluaran Beras MyGAP. Padi MyGAP musim 2023 dibayar insentif oleh kerajaan negeri kepada setiap pesawah untuk membolehkan mereka menghantar padi ke Kilang Padi Konsortium LPP. Namun selepas kerajaan Madani menguasai Putrajaya, kilang itu hanya membekalkan 120 metrik tan beras kepada Terengganu Agrotech Development Corp Sdn Bhd (TADC) daripada jumlah keseluruhan 840 metrik tan untuk dipek sebagai Beras Ganu MyGAP. Susulan itu kerajaan negeri menghentikan sementara pengeluaran Beras Ganu. Bagi mendapat gambaran lebih jelas mengenainya ikuti pendedahan anggota Exco Kerajaan Negeri Dr Azman Ibrahim ketika ditemui LANJUSOH baru-baru ini.



**HARAKAH:** Pengeluaran Beras Ganu MyGAP pada 2020 merupakan projek perintis bagi mewujudkan beras jenama sendiri. Sejauh mana perkembangannya sekarang?

**DR AZMAN:** Beras Ganu MyGAP ada sijil Amalan Pertanian Baik. Terengganu merupakan negeri pertama mencapai taraf MyGAP. Ada 100 kriteria (*check list*) yang perlu dipatuhi pesawah sebelum dilabelkan sebagai Beras MyGAP.

Petani perlu bersungguh-sungguh baru mendapat sijil MyGAP. Sayangnya daripada 11,000 hektar hanya 500 hektar sahaja ada sijil tersebut. Kerajaan negeri memberi bantuan mesin dan input pertanian kepada petani MyGAP. Sayangnya tidak sampai ke *final* produk dihasilkan. Padi yang dituai dicampur dengan padi bukan ada sijil MyGAP. Program itu dianggap sekerat jalan dikendalikan di bawah Kementerian Pertanian.

## Bagaimana menangani masalah itu?

Kerajaan Terengganu bekerjasama dengan IADA KETARA dan Jabatan Pertanian mewujudkan jawatankuasa Beras MyGAP. Kita mencari kilang yang sanggup memproses padi MyGAP. Pada peringkat awal kilang Konsortium LPP bersedia memproses padi MyGAP. Kilang itu dibantu kerajaan negeri sehingga boleh beroperasi. Kerajaan negeri bagi insentif kepada petani yang menghantar padi ke kilang tersebut.


Insentif RM110 bagi setiap metrik tan. Sebanyak 40 peratus petani daripada 500 hektar berjaya mengeluarkan Beras Ganu MyGAP. Beras itu dikeluarkan sejak tahun 2020.

Beras Ganu kita pernah bagi percuma kepada rakyat. Ketika mula diperkenalkan kurang mendapat sambutan, namun selepas isu hilang

beras tempatan di pasaran Beras Ganu mulai mendapat permintaan.

Namun selepas kerajaan pusat bertukar, saya sudah menjangka laluan kita tidak mudah untuk mengeluarkan Beras Ganu MyGAP. Kita menerima isyarat daripada Putrajaya yang dianggap merendahkan Beras Ganu MyGAP. Sedangkan beras dihasilkan melibatkan jabatan milik persekutuan.

Pada pek beras kita tulis logo kementerian. Kita tidak pernah nafikan peranan kerajaan pusat. Kerajaan negeri membantu melengkapkan rantai.



Jelapang padi di IADA KETARA.

Malangnya selepas itu berlaku sabotaj daripada kilang apabila beras kita dijual kepada pihak.

Kilang hanya beri 30 peratus sahaja kepada TADC. Saya tengok Beras MyGAP menjadi satu model yang dikuasai orang Melayu sepenuhnya.

Pesawah, broker padi, ketua petani semua orang Melayu. Beras dibungkus oleh TADC. Semua orang Melayu yang terlibat. Jadi, pihak lain tidak terlibat dengan rantai itu. Ini secara tidak langsung kartel padi boleh dipecahkan

melalui model itu.

Bagaimanapun berdasarkan pengalaman tersebut kerajaan Terengganu tidak boleh mengharapkan pihak lain. TADC perlu memiliki kilang padi sendiri.

## Apa beza Beras MyGAP dengan beras lain?

Beras MyGAP perlu mematuhi syarat ditetapkan. Biosekuriti didapati lebih selamat. Kita cuba hendak tambah pensijilan MyGAP daripada semasa ke semasa. Tiga tahun berturut-turut Terengganu mencatat pengeluaran beras MyGAP terbesar di Malaysia.

## Berapa jumlah pengeluaran Beras MyGAP sebelum ini?

Kira-kira 1,200 metrik tan semusim yang dikeluarkan sebelum ini. Selepas mendapat sambutan orang ramai beras itu tidak mampu menampung permintaan. Namun ada tindak balas daripada kerajaan pusat yang dianggap merendah-rendahkan pengeluaran Beras MyGAP di Terengganu.

Kementerian terbabit kalau tidak mahu membantu negeri bagi mengeluarkan beras bagi keperluan rakyat, buat apa peruntukan diluluskan setiap tahun dalam bajet. Kita bukan hendak meminta sebaliknya mahu bekerjasama

2022 turun kepada 50 peratus kerana banjir besar berlaku ketika itu, namun sekarang meningkat kepada 56 peratus.

Kita tingkatkan pengeluaran 52 metrik tan sehektar iaitu kedua selepas di projek IADA di Pulau Pinang. Kedah pula mempunyai kawasan tanaman padi seluas 100,000 hektar. Di Thailand sawah mereka seluas 9 juta hektar dan Vietnam pula 7 juta hektar.

Kerajaan negeri berusaha mempertingkatkan kesuburan tanah supaya dapat tingkatkan pengeluaran padi. Selain itu kerajaan negeri tidak lagi memudahkan proses kelulusan tanah kawasan pertanian kepada pembangunan. Kita gazetkan kawasan pengeluaran padi kecuali kawasan pertanian tidak aktif. Kalau tukar tanah pertanian kepada pembangunan ia pasti akan merencat pengeluaran padi.

Kerajaan negeri juga meningkatkan sistem pengairan di kawasan tanaman padi sekali setahun. Kita akan tingkatkan tanaman padi kepada dua kali setahun.

Cadangan untuk menanam padi lima kali dua tahun kita tidak fikir kerana perlu mengambil kira Monsun Timur Laut. Tumpuan kawasan pengeluaran padi di Besut dan Setiu. Di tempat lain tidak banyak antaranya di Kuala Nerus, Batu Rakit dan Dungun. Lokasi itu di luar kawasan jelapang padi. Kawasan jelapang padi di IADA KETARA seluas 5,000 hektar.

Pengeluaran Beras Ganu hanya satu jenama. Beras itu juga dibawa ke serata tempat oleh pemborong.

Ada pemborong dari Johor yang datang mengambil beras di Terengganu. Hakikat sebenarnya beras dari Terengganu juga dijual di negeri lain. Syarikat beli beras dalam bentuk pukal dari kilang di Terengganu.

## Di mana lokasi pengeluaran Beras MyGAP?

IADA KETARA di Besut, Setiu dan kawasan pertanian Terengganu utara. Jelapang padi di Malaysia terdapat 12 lokasi. Di Kelantan ada dua iaitu KADA dan IADA Kemasin Semarak.

## Sekarang pengeluaran Beras Ganu MyGAP dihentikan sementara?

Buat masa sekarang kita hentikan sementara, kita akan mulakan langkah kedua selepas ini.

dengan pihak kementerian.

Ini kerana bidang kuasa tanah di bawah kerajaan, begitu juga air.

Terengganu mempunyai Pelan Strategik Terengganu 2019-2023 yang menetapkan sebagai penyumbang maknanya.

## Berapa Kadar Sara Diri (SSR) pengeluaran beras di Terengganu?

Pada tahun 2018 SSR sebanyak 43 peratus. Pada 2019 (45 peratus), 2020 (48 peratus), 2021 (52 peratus) dan